

TEKS KHUTBAH NEGERI PAHANG SIRI 05/2024



HARI HOL PAHANG 24 Mei 2024 | 15 Zulkaedah 1445H

اَخْمُدُ لِلّهِ نَحَمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَخْمُدُ لِللهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَن يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ وَمَن يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لآ اِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلَّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أُمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ الله، إِتَّقُوْا اللهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Tarikh 22 Mei adalah tarikh Hari Hol bagi negeri Pahang Darul Makmur. Hari Hol diisytiharkan sejak tahun 1974 sebagai hari memperingati kemangkatan Sultan Pahang yang keempat, Almarhum Sultan Abu Bakar. Sejak itu, Hari Hol diisytihar sebagai cuti umum bagi negeri Pahang iaitu pada setiap 7 Mei. Pada tahun 2020, Hari Hol diubah kepada 22 Mei sebagai memperingati ulang tahun kemangkatan Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Sultan Pahang yang kelima.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Raja adalah pemimpin yang bertanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi dengan memimpin manusia secara adil saksama. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-An'am ayat 165:

Yang bermaksud: "Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-



Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Sultan selaku raja dan pemerintah juga merupakan ketua agama di sesebuah negeri. Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang, Perkara 24 (1) jelas menyatakan bahawa ketua agama hendaklah Raja Pemerintah yang berkuasa dari satu masa ke satu masa untuk mengadakan apa-apa undang-undang yang patut bagi mengatur hal ehwal agama Islam. Sejarah dan tradisi yang panjang ini diperkuatkan lagi dengan sumpah oleh raja-raja Melayu untuk menjaga agama Islam tatkala ditabalkan menjadi sultan.

Dalam Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah, al-Qadhi Abu Ya'la telah menegaskan bahawa kewujudan pemimpin adalah wajib secara kifayah kerana jika kepimpinan tidak wujud, nescaya tidak akan terlerailah perdebatan dan pertikaian terhadap sesuatu keputusan. Maka sebagai rakyat jelata, kita sepatutnya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Taala kerana dapat hidup dalam negeri ini dengan aman dan makmur serta dikurniakan kestabilan dan perpaduan di bawah payung raja-raja Melayu yang berjiwa rakyat. Raja-raja sebagai simbol perpaduan memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan agama Islam dan institusi-institusi agama terus diperkasa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.



Mengenang kembali jasa-jasa Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah, Almarhum sangat dikenali sebagai raja yang menitik berat hal ehwal agama Islam, pendidikan, pentadbiran negeri dan kebajikan rakyat. Usaha baginda dalam meningkatkan syiar Islam dengan membina masjid-masjid, sekolah agama, universiti malah pusat-pusat pengajian agama seperti maahad tahfiz, pondok-pondok pengajian Islam dan lain-lain.

Baginda sangat prihatin dan sering mencemar duli berangkat menziarahi rakyat sebaik mendapat perkhabaran berlakunya musibah seperti banjir, kebakaran dan sebagainya. Sifat mulia ini diwarisi pula oleh anakanda dan cucunda Almarhum. Inilah sebab keluarga Diraja Pahang begitu dekat di hati rakyat negeri ini.

Hari Hol ini sebenarnya mengingatkan kita tentang kematian. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam surah al-Mulk ayat 2:

Yang bermaksud: "Dialah yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji kamu bahawa siapakah antara kamu yang lebih baik amalanya. Dia Maha Berkuasa (membalas amalan kamu), lagi Maha Pengampun.(bagi orang yang bertaubat)"



Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah segala hubungannya dengan kehidupannya sebelum ini. Anak isteri, adik beradik, ahli keluarga, kawan-kawan dan harta benda semuanya ditinggalkan. Hanya amal kebajikan semasa hayat di dunia menjadi bekalan di samping doa anakanak yang soleh. Sebagai waris yang masih tinggal, sama-samalah kita mendoakan keampunan, kesejahteraan dan kerahmatan kepada roh ibu bapa kita yang telah pergi selamanya. Persiapkan diri dengan ilmu, amal jariah dan didiklah anak-anak menjadi soleh dan solehah kerana hanya itu sahajalah yang dapat membantu kita hingga ke akhirat nanti seperti yang disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

Yang bermaksud: "Apabila matinya seorang insan, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara, iaitu: sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya, atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Bersempena dengan Hari Hol Pahang marilah kita bersama-sama berdoa kehadrat Ilahi agar dikurniakan keampunan dan kerahmatan kepada Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah dan ditempatkan dalam kalangan para solehin dan muttaqin di syurga Illiyyin, Amin Ya Rabbal alamin.

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْم

كُلُّ نَفْسِ ذَآيِقَةُ ٱلْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَامَةِ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ وَأُدْخِلَ ٱلْجُنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَاعُ ٱلْغُرُورِ ﴿

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِيْ الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحُكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُوْمِنِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُوْمِنِیْنَ وَالْمُوْمِنِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُوْمِنِیْنَ وَالْمُوْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُواتِ، وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَلْوَاتُهُ وَلَّهُ اللهَ اللهَ الْعَلَامِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَلَامُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَلِمِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنِ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِلِيْنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِنِيْنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِلِيْنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَلِمُؤْمِلِيْنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَاتِ وَلِمُونِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِنِيْنَاتِ وَالْمُؤْمُ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِلُونُ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْمِنِيْنَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنِ وَالْمُؤْم